

**POLISI PENGGUNAAN DEWAN KOMPLEKS SUKAN UMP
BAGI PENGANJURAN AKTIVITI SUKAN/ KEJOHANAN/ PERTANDINGAN**

1. Kelulusan penggunaan Dewan Kompleks Sukan Universiti untuk aktiviti sukan adalah dibawah bidang kuasa Ketua Pusat Sukan/ Pegawai Belia & Sukan yang bertanggungjawab.
2. Keutamaan penggunaan Dewan Kompleks Sukan Universiti adalah kepada aktiviti-aktiviti sukan kepada pelajar dan staf Universiti Malaysia Pahang (UMP).
3. Tempahan penggunaan Dewan Kompleks Sukan Universiti hendaklah dimohon melalui surat rasmi kepada Ketua Pusat Sukan/ Pegawai Belia & Sukan yang bertanggungjawab selewat-lewatnya empat belas (14) hari bekerja sebelum aktiviti dijalankan.
4. Semua aktiviti sukan yang akan dijalankan oleh pelajar hendaklah dimohon melalui surat rasmi yang disokong oleh penasihat kelab/persatuan dan disertakan salinan kelulusan menjalankan aktiviti daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (JHEPA).
5. Caj sewaan dewan dan penggunaan penghawa dingin akan dikenakan kepada PTJ atau penganjur yang bertanggungjawab bagi program/ aktiviti yang menjana pendapatan/ kutipan yuran.
6. Penganjur hendaklah memastikan kerusi, meja dan lain-lain peralatan yang digunakan mempunyai pelapik, tidak tajam dan tidak merosakan permukaan gelanggang. Sekiranya berlaku kerosakan, segala kos baik pulih akan dikenakan kepada pihak penganjur.
7. Penganjur hendaklah memastikan pengguna mematuhi Etika Berpakaian Sukan (merujuk kepada Akta Universiti) ketika berada di kawasan Kompleks Sukan Universiti serta wajib berpakaian sukan dan berkasut sukan semasa melakukan aktiviti.
8. Pusat Sukan hanya menyediakan kemudahan asas sukan seperti gelanggang, tiang gol dan jaring sahaja. Keperluan tambahan seperti meja, kerusi, audio sistem dan lain-lain adalah tanggungjawab dan kos ditanggung oleh penganjur.
9. Dilarang makan dan membawa makanan ke dalam Dewan Kompleks Sukan Universiti. Hanya air minuman/ mineral/ isotonik sahaja dibenarkan dibawa masuk ke dalam dewan.
10. Penganjur hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebersihan Dewan Kompleks Sukan Universiti sebelum, semasa dan selepas penggunaan.
11. Langkah-langkah keselamatan perlu diutamakan oleh penganjur. Pihak Pusat Sukan dan Universiti Malaysia Pahang tidak boleh dipertanggungjawabkan sekiranya berlaku sebarang kecederaan atau kemalangan atau kematian kepada pengguna sebelum, semasa dan selepas menggunakan kemudahan universiti.
12. Pihak Pusat Sukan berhak membatalkan pemohonan yang telah diluluskan tanpa pemakluman awal sekiranya terdapat program/aktiviti Rasmi Universiti/ Kementerian yang perlu diutamakan.
13. Universiti adalah Kawasan Larangan Merokok dan pihak Keselamatan UMP berhak untuk menghalang dan mendenda pengguna terbabit.
14. Pusat Sukan berhak untuk menghalang dan tidak membenarkan mana-mana penganjur/ pengguna yang melanggar polisi ini untuk menggunakan Dewan Kompleks Sukan UMP pada masa akan datang selama dua (2) tahun dan kos-kos baikpulih kerosakan akan dikenakan kepada penganjur.